



KENYATAAN MEDIA

FELCRA BERHAD SOKONG PELAN PEMULIHAN NEGARA: PERALIHAN FASA PKP SECARA BERPERINGKAT

Kuala Lumpur, 17 Jun 2021 – FELCRA Berhad (“FELCRA”) menerima baik dan menyokong sepenuhnya Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin Haji Mohd. Yassin, pada 15 Jun 2021.

FELCRA melihat bahawa pelan 4 Fasa tersebut merangkumi usaha-usaha menyeluruh untuk memastikan Negara dapat beralih keluar dari pandemik Covid-19 secara strategik, demi membantu rakyat mencapai kembali kesinambungan hidup yang lebih baik dan mencapai kestabilan ekonomi dan sosial.

Tn. Hj Yamani Hafez Musa, Pengerusi, FELCRA Berhad:-

“FELCRA mengambil maklum akan halatuju Pelan Pemulihan Negara dan sedang bekerjasama rapat dengan Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk menjalankan usaha-usaha berhubung Pelan ini. Kami memberikan komitmen untuk memastikan keperluan asas demi kesinambungan Para Peserta dan masyarakat sekeliling setiap projek FELCRA diberikan keutamaan, agar mereka yang terkesan dengan pandemik Covid-19 terutamanya mereka yang hilang punca pendapatan dapat disantuni secara bersasar dan sebaik mungkin”.

En. Mohd Nazrul Izam Mansor, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, FELCRA

Berhad:-

“FELCRA akan berusaha membantu Para Peserta yang mengalami kepayahan akibat pandemik secara berperingkat dan berterusan, bermula dengan penyediaan peruntukan bantuan bakul makanan berjumlah RM 500,000 untuk diagihkan kepada sejumlah 10,000 Peserta di 38 kawasan berpenempatan FELCRA.

Pada masa yang sama, usaha kolaborasi dengan pihak-pihak berwajib untuk inisiatif Program Vaksinasi Berkelompok telah dimulakan di 38 kawasan berpenempatan tersebut, supaya 112,337 Para Peserta dan ahli keluarga di luar bandar ini dapat disantuni dan menerima vaksinasi Covid-19 untuk membesarkan lagi lingkungan imuniti berkelompok di seluruh Negara secara berjaya”.

Demi menangani penyebaran sporadik wabak ini, pihak Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad telah mengeluarkan arahan proaktif penutupan fizikal setiap pejabat FELCRA kepada orang awam.

Setiap Warga Kerja FELCRA tetap menjalankan tugas secara susunan kerja fleksibel, di mana sebilangan besar terus berkhidmat secara dalam talian dari kediaman masing-masing untuk memastikan operasi perladangan dan komersila FELCRA terus berjalan lancar dan efektif, manakala mereka yang perlu berkhidmat di Pejabat perlu memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) sentiasa dituruti sepanjang keberadaan mereka di pejabat.

Warga Kerja yang bertugas di perladangan turut diberikan taklimat penuh SOP dan dibekalkan dengan perkakas pelindung diri yang sesuai termasuk pelitup muka, cecair pembasmi kuman untuk membersihkan diri sebelum dan selepas bekerja, topi dan but keselematan serta arahan penjarakan fizikal yang jelas.

Arahan-arahan tersebut adalah selaras dengan SOP Majlis Keselamatan Negara dan diberikan fokus utama demi memastikan ekosistem pekerjaan setiap Warga Kerja dan mereka yang berurusan dengan FELCRA Berhad, terutamanya Para Peserta, terus berisiko rendah dan selamat.

Sepanjang 4 Fasa Pelan Pemulihan Negara ini, FELCRA Berhad boleh dihubungi melalui Talian Hotline 1-800-22-5050 atau 03 – 4145 5000. Panggilan anda akan disantuni dan pesanan disampaikan kepada Pegawai Berkenaan untuk tindakan lanjut.

PEJABAT PENERUSI DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

FELCRA Berhad

17 Jun 2021

Mengenai FELCRA Berhad

FELCRA Berhad merupakan sebuah Syarikat Korporat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan), dan dibawah penyeliaan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

FELCRA asalnya telah ditubuhkan pada tahun 1966 sebagai badan berkanun, dan dikenali sebagai Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah atau Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (FELCRA). FELCRA dipertanggungjawab untuk memajukan kawasan luar bandar dengan membuka peluang kepada masyarakat luar bandar menyertai aktiviti ekonomi bagi menjana pendapatan.

Pada tahun 1997, FELCRA telah dikorporatkan dan bertukar status daripada badan berkanun kepada sebuah entiti Syarikat Korporat milik penuh Kerajaan.

Kini, FELCRA Berhad menelusuri beberapa bidang perniagaan secara proaktif seperti perladangan, pembajaan, hartanah dan pembinaan, pendidikan dan penghasilan makanan termasuk ternakan tenusu.

Visi FELCRA Berhad adalah untuk menjadi Organisasi Perusahaan Sosial Termantap (social enterprise powerhouse) dalam sektor pertanian dan makanan demi mencapai misinya, iaitu untuk menjaga kepentingan ekonomi dan sosial Para Pesertanya serta mengaplikasi agri-teknologi dalam mempelopori agenda Dasar Jaminan Makanan Negara.

Sehingga akhir 2020, FELCRA Berhad telah memajukan seluas 220,086 hektar ladang bagi pihak 112,337 orang Peserta merangkumi 1,217 Projek Penyatuan dan Pemulihan, serta 33,145 hektar estet milik syarikat FELCRA Berhad.